




Pengendalian Kes Kanak-Kanak Tidak Terkawal di bawah Akta Kanak-Kanak 2001: Kajian di Terengganu

(Children Beyond Control Under the Child Act 2001: A Case Study in Terengganu)

Shariffah Nuridah Aishah binti Syed Nong Mohamad^{1*} 

Nazli bin Ismail @ Nawang² , Aminuddin bin Mustaffa³ , Asiah binti Bidin⁴ 

¹Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Email: aishah@unisza.edu.my

²Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Email: inazli@unisza.edu.my

³Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Email: aminuddinm@unisza.edu.my

⁴Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Email: asiah@unisza.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Shariffah Nuridah Aishah binti Syed Nong Mohamad
(aishah@unisza.edu.my)

KATA KUNCI:

Kanak-kanak tidak terkawal
Akta Kanak-kanak 2001
Remaja
Masalah sosial
Terengganu

KEYWORDS:

Children beyond control
Child Act 2001
Youths
Social problem
Terengganu

CITATION:

Shariffah Nuridah Aishah Syed Nong Mohamad, Nazli Ismail @ Nawang, Aminuddin Mustaffa, & Asiah Bidin. (2025). Pengendalian Kes Kanak-Kanak Tidak Terkawal di bawah Akta Kanak-Kanak 2001: Kajian di Terengganu. *Malaysian Journal of*

Kes salah laku oleh remaja seperti ponteng sekolah, lari dari rumah, merokok, merempit dan balik lewat ke rumah seringkali menghiasi dada akhbar di seluruh negara. Negeri Terengganu tidak terkecuali daripada dilanda masalah sosial ini. Lebih membimbangkan apabila pernah tular di laman sosial bahawa pelajar sekolah di negeri ini kerap ponteng sekolah dan merokok. Undang-undang melabelkan remaja ini sebagai “kanak-kanak tidak terkawal” di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menunjukkan sebanyak 1,534 kes kanak-kanak tidak terkawal direkodkan di seluruh Malaysia dalam tempoh 7 tahun (2017-2023) dengan negeri Terengganu mencatatkan 40 kes. Banyak kajian lepas menunjukkan bahawa tingkah laku tidak terkawal yang gagal dipulihkan boleh mengakibatkan jenayah di masa hadapan. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti jenis tingkah laku tidak terkawal yang sering berlaku di Terengganu, menganalisis prosedur pengendalian kes dan jenis pemulihan, serta mengutarakan cadangan penambahbaikan bagi memelihara kebajikan kanak-kanak. Kajian ini menggunakan Kajian Sosio-Perundangan berbentuk diskriptif melalui kaedah kualitatif yang merangkumi temubual dan kajian perpustakaan bagi mengkaji perundangan dengan lebih mendalam melalui perspektif luaran dengan menyelidik matlamat, proses dan kesan

Social Sciences and Humanities (MJSSH),
10(3), e003335.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i3.3335>

undang-undang dalam masyarakat. Temubual separa berstruktur dijalankan menggunakan purposive sampling dengan memilih Informan dari kalangan Majistret, pegawai JKM dan pegawai akhlak. Kajian ini memberikan impak penting kepada masyarakat dan negara dalam memelihara kebajikan kanak-kanak tidak terkawal khususnya di Terengganu sebagai kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan selaras dengan Dasar Kanak-Kanak Negara dan prinsip Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak yang ditandatangani Malaysia, di samping membantu pihak kerajaan dalam menambahbaik pengurusan kanak-kanak tidak terkawal di Terengganu.

ABSTRACT

The issue of juvenile misconduct such as truancy, running away from home, smoking, street racing and returning home late frequently makes headlines across the nation. The state of Terengganu is no exception from this social problem. It is even more alarming when it was previously circulated on social media that students in this state often skip school and smoke. The law categorizes these youths as "children beyond control" under the Child Act 2001. Statistics from the Department of Social Welfare (JKM) show that 1,534 cases of children beyond control were recorded nationwide over a period of 7 years (2017-2023), with Terengganu reporting 40 cases. Previous studies indicate that uncontrolled behaviors, if not addressed, may lead to criminal activities in the future. Therefore, this study aims to identify the types of uncontrolled behaviors commonly committed in Terengganu, analyze the procedures for handling such cases, and propose improvements to safeguard children's welfare. The research adopts a socio-legal study with a descriptive approach using qualitative methods including interviews and library research, to examine legislations from an external perspective by assessing the goals, processes, and societal impacts of the law. Semi-structured interviews were conducted with purposive sampling, selecting informants from Magistrates, JKM officer and probation officers. This study provides important implications for the community and the nation in protecting the welfare of children beyond parental control in Terengganu, ensuring they receive appropriate care, protection, and rehabilitation in line with the National Child Policy and the principles of the Convention on the Rights of the Child.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dalam bidang perundangan khususnya undang-undang kanak-kanak (child law). Ia memberikan impak penting kepada masyarakat dan negara dalam menyedarkan semua pihak mengenai kategori kanak-kanak tidak terkawal yang turut memerlukan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan selaras dengan Dasar Kanak-Kanak Negara dan prinsip Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak.

1. Pengenalan

Kanak-kanak merupakan aset terpenting sesebuah negara selaku peneraju di masa hadapan. Bilangan kanak-kanak di Malaysia mencapai 26.9 peratus daripada jumlah penduduk negara pada tahun 2024 (34.06 juta) iaitu seramai 9.14 juta orang ([Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025](#)). Daripada jumlah tersebut, seramai 4.72 juta adalah lelaki manakala seramai 4.42 juta pula perempuan ([Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025](#)). Antara inisiatif yang diambil oleh kerajaan Malaysia bagi memelihara hak-hak mereka ialah penyeragaman definisi “kanak-kanak” melalui penggubalan Akta Kanak-Kanak 2001 sebagai seseorang yang berumur di bawah 18 tahun (Seksyen 2, Akta Kanak-Kanak 2001).

Dasar Kanak-Kanak Negara dirangka bagi memastikan hak kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak sejajar dengan matlamat Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (*Convention on the Rights of the Child*) yang ditandatangani pada 28 Disember 1994 ([Mohd Awal, 2002](#)). Bagi menjamin hak-hak ini, Strategi Kedua menggariskan antaranya untuk memberi perkhidmatan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak termasuk kanak-kanak tidak terkawal ([Jabatan Kebajikan Masyarakat \[JKM\], 2025](#)). Jelas bahawa kerajaan bertanggungjawab untuk memelihara, melindungi dan memulihkan kanak-kanak tidak terkawal bagi memenuhi matlamat Konvensyen. Dari sudut pelaksanaan, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dipertanggungjawabkan untuk memastikan khidmat pemeliharaan, perlindungan, pemulihan dan pembangunan kanak-kanak disediakan dengan mengaplikasikan prinsip Konvensyen dalam semua proses pengurusan kes kanak-kanak. Tanggungjawab pelaksanaan ini dibantu oleh beberapa pihak lain termasuk Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Kehakiman Negara, Jabatan Penjara Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Kes kanak-kanak diletakkan di bawah bidangkuasa Mahkamah Bagi Kanak-kanak yang diketuai oleh seorang Majistret dan dibantu oleh dua orang Penasihat Mahkamah.

Pelbagai undang-undang telah digubal bagi melindungi kebajikan kanak-kanak di Malaysia. Walau bagaimanapun, Akta Kanak-Kanak 2001 merupakan statut perundangan utama yang mentadbir hal-ehwal kanak-kanak dan lebih komprehensif berbanding undang-undang lain. Penggubalan Akta Kanak-Kanak 2001 amat penting dalam pemeliharaan kebajikan kanak-kanak bagi membendung masalah kanak-kanak di Malaysia setelah lebih 50 tahun menggunakan undang-undang yang digubal pada zaman British iaitu Akta Mahkamah Juvana 1947 ([Nalatomy & Abu Bakar Ah, 2003](#)). Akta ini meminda dan menyatukan tiga undang-undang yang terdahulu iaitu Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 dan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 bagi menangani masalah pertindihan peruntukan undang-undang ([Mohd Awal, 2002](#)). Akta Kanak-Kanak melindungi kepentingan semua hal ehwal kanak-kanak yang tidak terhad kepada kes jenayah sahaja ([Abdul Rahim, 2012](#)), bahkan turut meliputi penderaan, pengabaian, penculikan, pemerdagangan, dan tingkah laku tidak terkawal. Akta Kanak-Kanak melindungi lima kategori kanak-kanak iaitu kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan (seperti penganiayaan dan pengabaian), kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan (terlibat dengan salah laku moral), pemerdagangan dan pemelarian kanak-kanak, kanak-kanak tidak terkawal dan kanak-kanak yang melakukan jenayah.

Kanak-kanak tidak terkawal ditadbir di bawah seksyen 46 dan 47, Bahagian VII, Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611). Satu pindaan besar-besaran ke atas Akta tersebut telah

dikuatkuasakan pada 1 Januari 2017 melalui Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016. Pindaan dilakukan bagi mengatasi isu-isu semasa kanak-kanak yang timbul seperti peningkatan kes kecuaihan ibu bapa dalam penjagaan kanak-kanak dan kes pedofilia (Bernama, 2016). Tindakan ini diambil berikutan banyak kejadian yang berlaku membabitkan kecuaihan ibu bapa yang membiarkan anak tanpa pengawasan sehingga menyebabkan kemalangan atau kematian (Ramlan, 2016). Dalam konteks kanak-kanak tidak terkawal, seksyen 46 dan 47 juga mengalami perubahan yang signifikan. Pindaan tersebut membolehkan Pegawai Pelindung daripada JKM campur tangan dan memfailkan permohonan kepada Mahkamah untuk kanak-kanak yang tidak terkawal dan tidak mempunyai ibu bapa (Temubual dengan Majistret, 2025). Seksyen 46 kini memperuntukkan bahawa ibu bapa atau Pelindung boleh membuat permohonan kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak untuk menahan kanak-kanak atas alasan bahawa ibu bapa atau Pelindung tidak berupaya mengawal mereka dan mereka mula terlibat dalam pergaulan yang tidak sihat. Selain itu, jenis perintah mahkamah juga dipinda dengan menghapuskan perintah penahanan di Sekolah Tunas Bakti. Mahkamah kini boleh memerintahkan kanak-kanak sama ada diletakkan dalam pemeliharaan orang yang layak dan sesuai, ditempatkan di Pusat, dihantar ke asrama akhlak atau diletakkan di bawah pengawasan pegawai akhlak.

Trend tingkah laku tidak terkawal di Terengganu dapat dilihat dalam [Jadual 1](#) berdasarkan Laporan Statistik tahunan yang dikeluarkan oleh [Jabatan Kebajikan Masyarakat \(2025\)](#).

Jadual 1: Statistik Kanak-kanak Tidak Terkawal

Tahun	Kanak-Kanak Tidak Terkawal di Malaysia	Kanak-Kanak Tidak Terkawal Melakukan Jenayah	Kanak-Kanak Tidak Terkawal di Terengganu
2017	258	129 orang (16 perempuan, 113 lelaki)	3 orang (2 perempuan, 1 lelaki)
2018	277	207 orang (23 perempuan, 184 lelaki)	4 orang (3 perempuan, 1 lelaki)
2019	268	Tidak dilaporkan	13 orang (perempuan sahaja)
2020	189	Tidak dilaporkan	6 orang (4 perempuan, 2 lelaki)
2021	107	Tidak dilaporkan	5 orang (perempuan sahaja)
2022	175	Tidak dilaporkan	4 orang (perempuan sahaja)
2023	260	Tidak dilaporkan	5 orang (4 perempuan, 1 lelaki)
JUMLAH	1,534		

Sumber: [Jabatan Kebajikan Masyarakat \(2025\)](#)

[Jadual 1](#) menunjukkan bahawa dalam tempoh tujuh tahun selepas pindaan 2016, jumlah kanak-kanak tidak terkawal di Terengganu adalah seramai 40 orang dengan purata 6 orang setiap tahun. Daripada jumlah tersebut seramai 35 orang adalah kanak-kanak perempuan manakala hanya 5 orang lelaki. Jumlah setiap tahun kelihatan turun naik dengan jumlah paling sedikit seramai 3 orang (2017) dan paling ramai adalah 13 orang (2019). Apa yang signifikan ialah terdapat kanak-kanak tidak terkawal yang turut melakukan jenayah walaupun tidak lagi dilaporkan mulai tahun 2019. Data ini juga

menunjukkan dominasi kanak-kanak perempuan yang terlibat dalam kes kanak-kanak tidak terkawal khususnya pada tahun 2019 hingga 2023. Semua kes pada tahun 2019 dan sebahagian besar kes pada 2020 hingga 2023 melibatkan kanak-kanak perempuan.

1.1. Permasalahan Kajian

Kajian ini dilakukan kerana timbulnya beberapa isu yang menjejaskan kebajikan kanak-kanak tidak terkawal. Isu-isu tersebut meliputi ketidakjelasan maksud tingkah laku tidak terkawal kerana tiada definisi khusus disediakan oleh undang-undang, kewujudan kes tingkah laku tidak terkawal di negeri Terengganu, dan pemilikan bidang kuasa yang luas oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dalam mengeluarkan perintah di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Di samping itu juga, belum ada kajian dijalankan mengenai kanak-kanak tidak terkawal di Terengganu yang dilihat dari perspektif perundangan.

Kajian lepas mengulas bahawa Akta Kanak-Kanak 2001 mahupun undang-undang terdahulu tidak mentakrifkan siapakah “kanak-kanak tidak terkawal” (Nayagam, 2012; Jamaluddin, 2002; Zakaria, 1996). Akta Kanak-Kanak 2001 selepas pindaan juga tidak menyediakan penerangan yang mencukupi di mana penambahan perkataan “kanak-kanak mula terlibat dalam pergaulan yang tidak sihat” tidak dijelaskan maksudnya. Oleh itu, Mahkamah Bagi Kanak-kanak perlu mentafsirkan maksud “tingkah laku tidak terkawal” kerana ketiadaan definisi dalam undang-undang.

Masalah kanak-kanak tidak terkawal di negeri Terengganu adalah isu yang terus memberi cabaran kepada pihak berkuasa, masyarakat, dan keluarga. Statistik yang dikeluarkan oleh JKM menunjukkan jumlah kanak-kanak tidak terkawal di Terengganu dalam tempoh tujuh tahun selepas penguatkuasaan Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 ialah seramai 40 orang sahaja berbanding jumlah di seluruh negara seramai 1,534 orang. Informan kajian menjelaskan bahawa jumlah kes ke mahkamah menjadi berkurangan secara mendadak selepas pindaan Akta tersebut kerana permohonan kes telah ditapis terlebih dahulu oleh JKM melalui sesi kaunseling (Temubual dengan Pegawai JKM dan Majistret, 2025). Walaupun jumlahnya kelihatan sedikit berbanding dengan negeri lain, namun tingkah laku tidak terkawal berlaku setiap tahun dan diserahkan kepada Mahkamah untuk mendapatkan perintah pemulihan. Tambahan pula, sudah pasti terdapat banyak lagi kejadian tingkah laku tidak terkawal yang tidak dilaporkan atau berada di luar pengetahuan JKM dan Mahkamah Bagi Kanak-kanak memandangkan ia merupakan sebarang bentuk perbuatan yang melanggar arahan atau nasihat ibu bapa.

Media massa kerap melaporkan masalah-masalah sosial seperti merokok, ponteng sekolah dan lari dari rumah oleh pelajar-pelajar sekolah atau remaja di negeri Terengganu. Sinar Harian umpamanya melaporkan terdapat sebanyak 1,061 kes penjualan rokok elektronik (vape) kepada kanak-kanak di Terengganu sejak Januari hingga Julai 2024 (Moktar, 2024) manakala BuletinTV3 mengulas peningkatan tabiat merokok dalam kalangan remaja amat membimbangkan apabila sebanyak 511 kes dikenakan tindakan dalam tempoh tersebut (Ngah, 2024). BH Online pula melaporkan lima remaja berusia bawah 18 tahun yang melepak sambil minum di beberapa kedai makan di bandar Chukai, Kemaman dikenakan kompaun atas kesalahan merokok (Bakar, 2022). MyMetro melaporkan seramai 54 pelajar dari empat sekolah menengah di Kuala Nerus, Terengganu ditangkap kerana ponteng sekolah dan ramai daripada mereka sedang merokok (Zulkifli, 2019). Dalam kejadian berlainan, Sinar Harian melaporkan Anggota Skim Rondaan Sukarela Teluk Ketapang dan SRS Bukit Tok Beng menggempur sebuah wakaf yang menjadi tempat pelajar ponteng di Taman Murni Indah (Zainury, 2019).

Sementara itu, kajian oleh Public Health Malaysia dalam tempoh 8 tahun (2011-2019) mendapati seramai 15,042 orang remaja telah dilaporkan hilang di mana majoritinya merupakan kes lari dari rumah (Harun, 2019). MyMetro melaporkan dua kanak-kanak perempuan berusia 9 dan 12 tahun dari Kampung Pasir Gajah, Kemaman yang melarikan diri dari rumah pada jam 5 pagi telah ditemukan semula oleh polis di sebuah rumah di Cheneh kira-kira 20 kilometer dari kediaman mereka (Ilham, 2022).

Di samping itu, pindaan kepada Akta Kanak-kanak 2001 (seksyen 46(5)) mengekalkan bidang kuasa Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dalam mengeluarkan perintah penempatan di institusi kebajikan JKM iaitu asrama akhlak dan memberikan kuasa budi bicara kepada mahkamah untuk menentukan tempoh perintah yang dikeluarkan termasuk tempoh penempatan di asrama akhlak (Jabatan Kebajikan Masyarakat [JKM], 2025). Akibatnya, Majistret boleh mengeluarkan sebarang tempoh penempatan di institusi kebajikan yang tidak terhad kepada 3 tahun sebagaimana sebelum pindaan. Pemberian bidang kuasa yang luas ini boleh menjejaskan keberkesanan pemulihan kanak-kanak tidak terkawal kerana mereka boleh ditempatkan di institusi kebajikan untuk sebarang tempoh berdasarkan alasan yang diberikan oleh Majistret. Dalam pemilihan jenis perintah, Informan kajian menjelaskan bahawa penempatan di asrama akhlak merupakan perintah yang lazim dikeluarkan oleh mahkamah akibat ketiadaan keutamaan atau *priority* dalam Akta Kanak-kanak 2001 (Temubual dengan Majistret, 2025). Penempatan kanak-kanak tidak terkawal di institusi kebajikan perlu dielakkan kerana ia menimbulkan beberapa implikasi negatif seperti menjejaskan pemulihan, mengganggu hubungan kekeluargaan, mengakibatkan stigma, dan mendedahkan kanak-kanak kepada pengaruh negatif akibat percampuran dengan kanak-kanak nakal yang lain (Coalition for Juvenile Justice, 2013; Zakaria, 1996).

1.2. Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti bagaimana kes tingkah laku tidak terkawal dikendalikan oleh JKM dan Mahkamah Bagi Kanak-kanak, dan apakah jenis pemulihan yang dikeluarkan oleh Mahkamah terhadap kanak-kanak tidak terkawal. Ia juga mengkaji masalah atau kelemahan yang dihadapi dalam pengendalian kes supaya penyelesaian yang lebih efektif dapat dicari bagi mengatasinya pada masa hadapan khususnya di Terengganu. Secara khususnya, objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Menenalpasti maksud tingkah laku tidak terkawal di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 dan jenis salah laku yang dilakukan di Terengganu.
- ii. Menganalisis pengendalian kes kanak-kanak tidak terkawal dan jenis perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di Terengganu.
- iii. Menenalpasti kelemahan dalam pengendalian kes kanak-kanak tidak terkawal di Terengganu.
- iv. Mengutarakan cadangan penambahbaikan bagi memelihara kebajikan kanak-kanak tidak terkawal.

2. Sorotan Literatur

Kajian mengenai kanak-kanak tidak terkawal di Malaysia daripada perspektif perundangan sukar didapati, lebih-lebih lagi yang memfokuskan Terengganu. Kebanyakan penulisan mengenai undang-undang keluarga di Malaysia tidak membincangkan kanak-kanak tidak terkawal. Kajian mengenai kanak-kanak didapati lebih cenderung kepada aspek jenayah yang meliputi hak asasi kanak-kanak, hak dan kepentingan kanak-kanak dalam prosiding jenayah dan pemulihan kanak-kanak di

institusi. Penulisan mengenai kanak-kanak tidak terkawal didapati dalam bentuk artikel atau rencana pendek dalam jurnal-jurnal akademik dan kemasyarakatan, kertas-kertas kerja persidangan dan seminar, bab dalam buku dan laporan. Kanak-kanak tidak terkawal hanya disebut secara sampingan dan amat ringkas di bawah tajuk-tajuk seperti hak asasi kanak-kanak, Akta Kanak-Kanak 2001, faktor pendorong dan institusi kebajikan.

Disebabkan kurangnya kajian lepas yang memfokuskan kanak-kanak tidak terkawal, maka sorotan literatur yang dilakukan adalah berdasarkan tema (*thematic review*) di mana literatur dibincangkan mengikut tema-tema yang telah dikenalpasti (Creswell, 2012). Analisis dijalankan dengan meringkaskan literatur dan mensintesiskannya. Corak penstrukturan literatur pula berbentuk cantuman (*patchworking*) memandangkan kajian lepas hanya menyentuh kanak-kanak tidak terkawal secara tidak langsung dan ringkas di bawah tajuk-tajuk yang berbeza. Corak ini sesuai bagi mendapatkan gambaran menyeluruh mengenai fenomena kanak-kanak tidak terkawal di Malaysia dengan melabelkan setiap cantuman mengikut tema sorotan tertentu.

2.1. Tema hak asasi kanak-kanak

Sebagai sebuah negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak, Malaysia perlu mematuhi prinsip-prinsip konvensyen tersebut dalam memelihara hak kanak-kanak. Penulisan lepas mengenai hak asasi kanak-kanak mengaitkan kanak-kanak tidak terkawal dengan beberapa isu di bawah Perkara 3(1) dan 12(1) konvensyen tersebut. Berdasarkan Perkara 3(1) yang menyarankan kepentingan kanak-kanak dijadikan pertimbangan utama dalam semua tindakan, [Child Rights Coalition Malaysia \(2012\)](#) mengulas mengenai kelemahan berkaitan penjagaan alternatif dan institusi. Pelabelan “kanak-kanak tidak terkawal” merupakan satu bentuk hukuman kepada kanak-kanak, sementara penempatan kanak-kanak tidak terkawal di institusi yang sama dengan kanak-kanak yang melakukan jenayah dilihat kurang sesuai. Sementara itu, [Dusuki \(2007\)](#) dan [Child Rights Coalition Malaysia \(2012\)](#) menyentuh mengenai hak kanak-kanak untuk memberikan pandangan di bawah Perkara 12(1) dan mendapati bahawa tidak ada peruntukan digubal supaya kanak-kanak (termasuk kanak-kanak tidak terkawal) boleh diwakili secara berasingan oleh peguam di mahkamah bagi menyuarakan pendapat mereka. Sekiranya kanak-kanak memberikan pendapat mereka di mahkamah, keputusan sama ada untuk mengambil atau menolak pendapat mereka adalah bergantung kepada budi bicara hakim. Kesimpulannya, di bawah tema hak asasi kanak-kanak, hak kanak-kanak tidak terkawal dipersoalkan oleh penyelidik terdahulu kerana pelabelan “tidak terkawal” dianggap sebagai hukuman yang menjejaskan kepentingan mereka, penempatan mereka di institusi bercampur dengan pesalah jenayah kanak-kanak, dan mereka tidak diwakili oleh peguam untuk menyalurkan pendapat mereka.

2.2. Tema Akta Kanak-Kanak 2001

Akta Kanak-Kanak 2001 telah menjadi subjek dalam banyak perbincangan sejak penguatkuasaannya pada 1 Ogos 2002. Walau bagaimanapun, isu-isu berkaitan kanak-kanak tidak terkawal kurang mendapat perhatian berbanding kategori kanak-kanak lain yang disebut dalam akta tersebut seperti kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan, dan kanak-kanak yang melakukan jenayah. Penyelidik mendapati perbincangan mengenai Akta Kanak-Kanak 2001 sering dikaitkan dengan aspek jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak, umpamanya penulisan buku oleh [Abdul Rahim \(2012\)](#), bab dalam buku oleh [Hassan \(2008\)](#) dan artikel oleh [Sidhu \(2003\)](#). Selain itu, kompilasi artikel dalam buku Siri Undang-Undang Mimi Kamariah ([Jamaluddin, 2002](#)) yang

bertemakan Akta Kanak-Kanak 2001 juga tidak mengandungi sebarang kajian khusus mengenai kanak-kanak tidak terkawal. [Abdullah \(2006\)](#) pula yang menulis buku mengenai undang-undang keluarga di Malaysia mengulas secara ringkas mengenai ketiadaan penjelasan untuk menentukan bagaimana “ibu bapa atau penjaga itu tidak dapat menjalankan kawalan yang sepatutnya ke atas kanak-kanak”. Menurutnya, kelompangan ini memberikan kuasa budi bicara kepada pihak mahkamah untuk mentafsirkan maksudnya.

2.3. Tema faktor pendorong

Kajian perundangan jarang menyentuh faktor-faktor pendorong berkaitan salah laku kanak-kanak kecuali beberapa penulis seperti [Akram \(2007\)](#) yang menulis bahawa keruntuhan institusi keluarga adalah faktor utama delinkuensi selain ekonomi, pendidikan agama, persekitaran, institusi sosial dan masyarakat. [Ahmad \(2013\)](#) pula mendapati pengaruh rakan sebaya dan perasaan ingin berseronok merupakan faktor pendorong kepada salah laku kanak-kanak. Kebanyakan literatur di bidang sosial pula mengenalpasti empat faktor utama yang mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak iaitu keluarga, diri sendiri, rakan sebaya dan masyarakat (meliputi media dan sekolah) ([Hamzah et. al, 2011](#)). Pandangan ini dikongsi oleh [Najmuddin \(2003\)](#) melalui sudut psikologi yang menekankan bahawa kenakalan kanak-kanak tidak diwarisi secara biologi. Sementara itu, kajian oleh [Sharif dan Mohamad Roslan \(2011\)](#) terhadap kanak-kanak bermasalah di Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka mendapati bahawa faktor pendorong utama ialah kanak-kanak itu sendiri yang ingin mencuba sesuatu yang baharu dan mencari kebebasan, manakala latar belakang keluarga didapati kurang mempengaruhi perilakunya.

2.4. Tema institusi kebajikan

Salah satu jenis pemulihan yang sering diperintahkan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak terhadap kanak-kanak tidak terkawal ialah penempatan di institusi. Beberapa penulisan mengenai institusi kebajikan kanak-kanak membincangkan kanak-kanak tidak terkawal secara lebih serius berbanding kajian-kajian lain di atas. Secara khususnya, ia menjurus kepada kelemahan proses pemulihan dalam melindungi kepentingan kanak-kanak. [Zakaria \(1996\)](#) membangkitkan isu kewajaran perintah amaran dan denda (hukuman paling ringan) yang seringkali dikenakan ke atas pesalah kanak-kanak tetapi tidak diperuntukkan kepada kanak-kanak tidak terkawal. Di samping itu juga, beliau turut menyentuh masalah stigma yang dihadapi oleh kanak-kanak tidak terkawal akibat daripada perintah mahkamah. [Child Frontiers \(2013\)](#) dalam kajiannya turut membincangkan beberapa kelemahan berkaitan pengendalian institusi. Contohnya, ketiadaan amalan standard yang menghendaki ibu bapa dan kanak-kanak menghadiri kaunseling atau lain-lain intervensi sokongan, institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat menyekat kebebasan kanak-kanak kerana bersifat tertutup, kanak-kanak tidak terkawal tidak berpeluang untuk dibebaskan awal atas alasan kelakuan baik dan kanak-kanak tidak terkawal boleh dipindahkan ke Sekolah Henry Gurney sekiranya mereka melarikan diri dari institusi tersebut.

3. Metod Kajian

Kajian ini merupakan Kajian Sosio Perundangan (*Socio-Legal Study*) berbentuk deskriptif. Ia menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi kajian perpustakaan dan temubual bagi memahami pelaksanaan undang-undang berkaitan kanak-kanak tidak terkawal

dengan lebih mendalam melalui perspektif luaran dengan menyelidik matlamat, proses dan kesan undang-undang dalam masyarakat. Secara ringkasnya, kajian ini bertujuan melihat bagaimana undang-undang beroperasi dalam konteks sosial atau bagaimana undang-undang menangani masalah, isu atau persoalan sosial. Kajian diskriptif digunakan bagi mengenalpasti dan menerangkan sesuatu peristiwa sosial, institusi, persepsi, ciri-ciri suatu fenomena, kumpulan dalam populasi atau corak tingkah laku berdasarkan pemahaman sedia ada mengenai sifat semulajadi masalah kajian. Di bidang perundangan secara khususnya, ia bermatlamat untuk menerangkan secara sistematik sesuatu fakta, situasi atau peristiwa sebagaimana yang dilihat oleh penyelidik. Oleh itu kajian diskriptif sesuai digunakan dalam kajian ini untuk menerangkan konsep kanak-kanak tidak terkawal dan pengendalian kes di bawah Akta Kanak-Kanak 2001, serta aplikasinya dalam masyarakat khususnya di Terengganu.

Data dikumpulkan daripada dua jenis sumber iaitu dokumen dan temubual. Sumber dokumen mengandungi data primer dan sekunder. Data primer terdiri daripada statut perundangan dan kes mahkamah, manakala data sekunder pula meliputi buku akademik, jurnal perundangan dan sosial, akhbar, kertas persidangan, laporan, tesis dan disertasi, dan sebagainya sama ada dalam bentuk bercetak atau daripada sumber internet.

Temubual dijalankan berdasarkan Persampelan Bertujuan (*Purposive Sampling*) dengan memilih individu dan tempat kajian yang terbaik bagi membantu memahami fenomena utama kajian berdasarkan Soalan Kajian. Informan yang ditemubual terdiri daripada seorang Majistret Mahkamah Bagi Kanak-Kanak, seorang pegawai JKM Negeri Terengganu dan dua orang pegawai akhlak, yang kesemuanya bertugas di Terengganu. Mereka dipilih memandangkan mereka mempunyai pengalaman secara langsung dan pengetahuan mendalam mengenai kanak-kanak tidak terkawal. Temubual dijalankan secara *online* secara perseorangan pada satu-satu masa (*one-to-one interview*) setelah mendapat kelulusan dan persetujuan. Informan dimaklumkan terlebih dahulu melalui e-mel dan *Whatsapp* dan diberikan maklumat awal mengenai skop soalan yang akan ditanya. Data yang diperolehi daripada Informan akan ditulis, disalin dan direkodkan ke dalam Borang Protokol Temubual iaitu borang khas untuk merekodkan maklumat temubual. Temubual berbentuk separa berstruktur (*semi-structured*) dengan soalan terbuka (*open-ended*) digunakan supaya Informan bebas memberikan pandangan dan penyelidik dapat mengembangkan skop soalan tetapi pada masa yang sama tidak terkeluar dari ruang lingkup Objektif Kajian. Hasil temubual tidak dilaporkan secara verbatim tetapi dihuraikan dalam kandungan kajian bagi menyokong atau menjelaskan lagi sesuatu perkara yang dibincangkan.

Analisis data kajian ini melibatkan lima langkah asas berdasarkan garis panduan oleh [Creswell \(2007\)](#) iaitu mengumpul data, menyediakan data untuk analisis, membaca data, mengkodkan data mengikut tema dan melaporkan data. Proses ini berjalan serentak dan berulang kali sehingga semua data selesai dianalisis. Analisis data yang dijalankan adalah jenis Analisis Kandungan (*Content Analysis*) di mana kandungan dokumen dan hasil temubual dianalisis secara kualitatif bagi mendapatkan tema dan maksudnya.

4. Hasil Kajian

4.1. Maksud “kanak-kanak tidak terkawal”

Akta Kanak-kanak 2001 tidak memperuntukkan definisi tertentu bagi kanak-kanak tidak terkawal. Seksyen 46 (1) hanya menyebut bahawa ibu bapa atau Pelindung boleh

membuat permohonan kepada Mahkamah Bagi Kanak-kanak untuk menahan anak mereka di institusi kebajikan sekiranya mereka tidak berupaya untuk menjalankan pengawasan dan pengawalan yang sepatutnya ke atas kanak-kanak dan kanak-kanak mula terlibat dalam pergaulan yang tidak sihat. Huraian ini sangat umum dan mempunyai pengertian luas di mana kanak-kanak boleh ditahan atas sebarang ketidakpatuhan perintah ibu bapa, lari dari rumah, terlibat dengan perhubungan seksual atau menggunakan dadah atau alkohol (UNICEF, 2020). Hal ini mengakibatkan wujudnya pemahaman berbeza mengenai tingkah laku tersebut. Beberapa kajian perundangan mengkategorikannya sebagai sebahagian daripada kesalahan status iaitu kesalahan bukan jenayah (Dusuki, 2007; Ahmad, 2013; Child Frontiers, 2013; Hussin, 2012) manakala sebahagian yang lain melabelkannya sebagai delinkuen iaitu kesalahan jenayah (Akram, 2007; Zainal, 2009). Melihat dari sudut penggubalan kanak-kanak tidak terkawal dalam Akta kanak-kanak 2001 di bawah kategorinya yang tersendiri dan terpisah daripada kategori kanak-kanak yang lain memaparkan bahawa mereka bukanlah kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan seperti mangsa penderaan atau pengabaian, dan bukan pula kanak-kanak yang melakukan jenayah. Contoh-contoh tingkah laku tidak terkawal yang seringkali berlaku seperti lari dari rumah, ponteng sekolah, mengambil dadah, melakukan tingkah laku seksual, mengingkari perintah ibu bapa, tidak menghormati ibu bapa dan merempit (Zakaria, 1996; Dusuki, 2007; Child Frontiers, 2013) menunjukkan bahawa ia meliputi kedua-dua perbuatan jenayah dan bukan jenayah.

Sementara itu, kajian sosial mengenai kanak-kanak bermasalah banyak dijalankan dengan menggunakan terma-terma lebih umum seperti “masalah sosial remaja”, “kenakalan remaja”, “tingkah laku delinkuen”, “tingkah laku devian” dan “salah laku pelajar”. Namun begitu, sebahagian besar daripada contoh-contoh salah laku seperti ponteng sekolah, lari dari rumah, melepak, tingkah laku tidak bermoral, menghisap rokok, terlibat dengan kumpulan samseng dan lumba haram merupakan manifestasi tingkah laku tidak terkawal (Hamzah et al., 2011; Haji Ali, 2006; Yahaya & Hashim, 2008; Yeng & Baharudin, 2014).

Informan kajian menjelaskan bahawa tingkah laku tidak terkawal berkait dengan kegagalan kanak-kanak dalam mengikuti arahan ibu bapa atau mengawal tindakan mereka yang membawa kepada gangguan dalam kehidupan mereka sendiri dan orang lain. Apabila tingkah laku ini menjadi tabiat, ia boleh membawa kepada tindakan yang boleh membahayakan kepada kesejahteraan kanak-kanak itu sendiri dan juga orang lain di sekeliling mereka (Temubual dengan Pegawai Akhlak, 2025). Hasil temubual mendapati bahawa tingkah laku tidak terkawal yang dilakukan oleh kanak-kanak di Terengganu merangkumi pelbagai bentuk tindakan daripada kesalahan kecil bukan jenayah hinggalah tindakan yang boleh dikenakan hukuman jenayah. Ia menunjukkan pelbagai tahap keterukan tingkah laku tidak terkawal, dengan beberapa tingkah laku membawa kepada akibat undang-undang, sementara yang lain hanya mengganggu ketenteraman sosial dan keluarga. Dalam bentuk yang paling ringan, tingkah laku tidak terkawal berbentuk gangguan dalam kehidupan seharian seperti tidak mendengar kata, memberontak, bercakap kasar kepada ibu bapa, dan melawan arahan. Selain itu, ponteng sekolah, merosakkan harta benda, suka bergaduh dan lari dari rumah turut berlaku. Dalam kes yang lebih serius, terdapat kanak-kanak yang menyembunyikan kelahiran, terlibat dalam persundalan dan seks bebas, ketagihan pornografi, merempit, merokok dan menyalah guna dadah yang jelas boleh dihukum oleh undang-undang. Informan turut menekankan mengenai perbezaan tingkah laku berdasarkan jantina. Kanak-kanak lelaki cenderung terlibat dalam aktiviti berisiko seperti merempit, penggunaan dadah atau

tidak pulang ke rumah, sementara kanak-kanak perempuan lebih cenderung dalam pergaulan bebas yang membawa kepada penglibatan seksual (Temubual dengan Majistret dan Pegawai Akhlak, 2025).


Analisis terhadap tingkah laku tidak terkawal menunjukkan bahawa tingkah laku ini adalah masalah yang kompleks yang berpunca daripada gabungan faktor individu, keluarga, dan sosial. Informan kajian menjelaskan di sebalik kejadian tingkah laku ini, seringkali terdapat kekurangan pengawasan ibu bapa atau panduan yang betul. Faktor seperti ketidakstabilan keluarga, pengaruh rakan sebaya yang tidak sihat, dan konflik dalam keluarga atau komuniti boleh memburukkan lagi ketidakupayaan kanak-kanak untuk mengawal tingkah laku mereka. Menurut Informan kajian, faktor dalaman keluarga seperti keretakan rumahtangga dan sikap ibu bapa yang tidak cakna terhadap perkembangan anak dan tidak memantau pergaulan anak merupakan punca utama (Temubual dengan Majistret, 2025). Persekitaran ini sering menyumbang kepada pola sikap memberontak, agresif, dan ingkar, yang lama-kelamaan boleh berkembang menjadi aktiviti yang melanggar undang-undang seperti merempit atau penggunaan dadah. Konteks di mana kanak-kanak membesar memainkan peranan penting dalam membentuk sama ada tingkah laku mereka yang tidak terkawal hanya menjadi masalah sosial atau melibatkan isu jenayah yang lebih serius. Dalam beberapa kes, tingkah laku ini berkembang menjadi aktiviti jenayah apabila kanak-kanak gagal untuk mengawal perbuatan mereka dan bertindak dengan cara yang boleh membahayakan diri sendiri atau orang lain (Temubual dengan Majistret dan Pegawai Akhlak, 2025).

4.2. Proses pengendalian kes di Terengganu.

Secara umumnya, pengendalian kes di Terengganu adalah sama dengan proses yang dijalankan di seluruh negara memandangkan ia berpandukan Akta-Kanak-kanak 2001 dan garis panduan/arahan kerja dalaman JKM yang diselaraskan di semua negeri. Kes bermula apabila ibu bapa atau Pelindung membuat permohonan secara bertulis kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak atau JKM. Kemudian, penilaian kes dilakukan oleh Pegawai Akhlak bagi mendapatkan maklumat daripada kanak-kanak yang terlibat dan mengenalpasti sama ada kes tersebut merupakan kes tidak terkawal atau tidak. Ia dilakukan berpandukan kepada beberapa elemen seperti sifat tingkah laku kanak-kanak, hubungan kekeluargaan, latar belakang keluarga, pendidikan, kesihatan dan persekitaran yang didiami. Sekiranya didapati bahawa ia adalah kes kanak-kanak tidak terkawal, kes akan dihantar ke Mahkamah Bagi Kanak-Kanak bagi proses pendengaran permohonan. Pendengaran perlu dihadiri oleh ibu bapa, kanak-kanak dan Pegawai Akhlak di mana mahkamah akan menyoal kanak-kanak dan ibu bapanya dengan bantuan Pegawai Akhlak. Sewaktu pendengaran permohonan berlangsung, Majistret hendaklah memastikan bahawa ibu bapa memahami sifat dan akibat permohonan mereka, dan bersetuju untuk meneruskan permohonan tersebut (seksyen 46(2)). Mahkamah kemudiannya mengarahkan Pegawai Akhlak untuk menyediakan Laporan Akhlak bagi menentukan sama ada perintah boleh dibuat terhadap kanak-kanak tersebut atau tidak (seksyen 46(3)). Bagi membolehkan penyediaan laporan tersebut, Mahkamah boleh menangguhkan kes selama tidak melebihi satu bulan (seksyen 46(4)). Untuk tujuan ini, Pegawai Akhlak akan mendapatkan Perintah Tahanan Sementara dan tarikh perbicaraan kes daripada Mahkamah. Kanak-kanak boleh ditahan sementara di asrama akhlak atau pusat. Perbicaraan untuk mendapatkan perintah tetap melibatkan pembentangan Laporan Akhlak bagi membantu Mahkamah membuat keputusan demi kebajikan kanak-kanak. Ia perlu dihadiri oleh kanak-kanak, ibu bapa dan pegawai akhlak selain daripada Majistret dan Penasihat Mahkamah. Sebelum mengeluarkan perintah, Majistret perlu

mempertimbangkan Laporan Akhlak di samping nasihat oleh Penasihat Mahkamah. Perintah tetap yang dikeluarkan perlu mengutamakan pemeliharaan berasaskan keluarga sebagai langkah terbaik untuk kanak-kanak (seksyen 46(5)). Secara ringkasnya, prosesnya ditunjukkan dalam [Rajah 1](#).

Rajah 1: Proses pengendalian kes di Mahkamah Bagi Kanak-kanak



Walau bagaimanapun, berdasarkan maklum balas daripada Pegawai Akhlak dan Majistret, terdapat beberapa kelemahan dalam pengendalian kes kanak-kanak tidak terkawal. Pertama, kekurangan pegawai berkemahiran. JKM mengalami masalah kekurangan pegawai berkemahiran dalam menangani kes kanak-kanak tidak terkawal yang menyebabkan program intervensi dan pemulihan tidak dapat dilaksanakan secara optimum. Kedua, kebergantungan kepada Laporan Akhlak. Dalam perbicaraan kes, Majistret sangat bergantung kepada Laporan Akhlak kerana Majistret tidak mempunyai interaksi secara langsung dengan kanak-kanak sepertimana Pegawai Akhlak. Ketiga, kurangnya kerjasama antara sekolah dan agensi berkaitan. Sekolah dan agensi lain kurang memberikan sokongan kepada JKM dalam menangani kes kanak-kanak tidak terkawal. Hal ini menyukarkan proses pemulihan kerana faktor sekolah adalah elemen penting dalam pembentukan disiplin kanak-kanak. Keempat, tiada sistem pemantauan jangka panjang. JKM tidak mempunyai mekanisme pemantauan yang jelas selepas kanak-kanak keluar dari pusat pemulihan. Kanak-kanak mempunyai risiko untuk kembali kepada tingkah laku tidak terkawal sekiranya tiada pemantauan lanjut dilakukan. Kelima, penglibatan keluarga dalam proses pemulihan masih belum mencukupi. Tanpa kerjasama dan sokongan aktif daripada keluarga, pemulihan kanak-kanak menjadi lebih sukar. Kanak-kanak yang kembali ke rumah keluarga yang tidak stabil berisiko mengalami masalah yang sama atau lebih teruk selepas proses pemulihan di institusi kebajikan.

4.3. Jenis perintah oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di Terengganu.

Seksyen 46 (5) Akta Kanak-kanak 2001 menggariskan bahawa Mahkamah Bagi Kanak-kanak boleh memerintahkan kanak-kanak tidak terkawal diletakkan dalam pemeliharaan

seseorang yang layak dan sesuai, diletakkan di suatu pusat, menahan kanak-kanak di asrama akhlak atau meletakkan kanak-kanak di bawah pengawasan seorang pegawai akhlak. Tempoh bagi kesemua perintah bergantung kepada budibicara Mahkamah. Sebagai tambahan, Mahkamah boleh memerintahkan kanak-kanak diletakkan bawah pengawasan seorang pegawai akhlak bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun (seksyen 46(6)). Mahkamah juga diberikan kuasa untuk mengeluarkan perintah terhadap ibu bapa bagi memastikan kesejahteraan mereka, iaitu melawat kanak-kanak secara tetap, menghadiri bengkel interaktif bersama kanak-kanak, menghadiri sesi kaunseling bersama kanak-kanak, atau berunding dengan guru dan guru besar atau pengetua kanak-kanak sebulan sekali (seksyen 46(7)). Kegagalan ibu bapa untuk berbuat demikian boleh mengakibatkan mereka didenda tidak melebihi RM5,000 (seksyen 46(8)).

Perintah meletakkan kanak-kanak tidak terkawal dalam pemeliharaan seorang yang layak dan sesuai, dan perintah meletakkan mereka di pusat mula dimasukkan dalam Laporan Statistik tahunan JKM pada tahun 2022 walaupun pindaan Akta Kanak-kanak 2001 telah dibuat sejak tahun 2016. Walau bagaimanapun, kedua-perintah belum dilaksanakan di seluruh negara termasuk Terengganu hingga ke hari ini. Laporan Statistik JKM bagi tahun 2022 dan 2023 tidak mencatatkan sebarang bilangan kanak-kanak bagi kedua-dua jenis perintah tersebut ([Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2025](#)), sementara laporan bagi tahun-tahun sebelumnya mencatatkan jenis-jenis perintah sebelum pindaan Akta Kanak-kanak.

Temubual dengan Informan kajian menunjukkan terdapat masalah dalam pelaksanaan kedua-dua perintah tersebut. Perintah pemeliharaan oleh seorang yang layak dan sesuai tidak pernah dikeluarkan oleh Mahkamah kerana Laporan Akhlak tidak mencadangkan perintah tersebut akibat ketiadaan saudara-mara atau individu lain yang ingin atau mampu menjaga kanak-kanak nakal. Sementara itu, perintah menempatkan kanak-kanak di pusat turut belum dilaksanakan kerana beberapa kekangan (Temubual dengan Majistret, 2025). Seksyen 2 Akta Kanak-kanak mentakrifkannya sebagai tempat berlindung yang ditubuhkan atau dikendalikan oleh mana-mana pihak, sama ada secara perseorangan atau melalui kerjasama dengan kerajaan persekutuan, yang diluluskan oleh Menteri. Ia adalah rumah individu atau tempat pemulihan berasaskan keluarga yang ditubuhkan oleh kerajaan atau badan-badan bukan kerajaan yang berdaftar.

Sementara itu, perintah menahan kanak-kanak tidak terkawal di asrama akhlak merupakan perintah yang lazim dikeluarkan oleh Mahkamah. Laporan Statistik JKM menunjukkan seramai 21 orang telah dihantar ke asrama akhlak, masing-masing pada tahun 2022 dan 2023 dengan majoriti terdiri daripada kanak-kanak perempuan ([Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2025](#)). Perintah meletakkan kanak-kanak di bawah pengawasan seorang pegawai akhlak turut dikeluarkan oleh Mahkamah namun hanya melibatkan jumlah kanak-kanak yang sedikit. Tahun 2022 mencatatkan seramai 2 orang, manakala tahun 2023 seramai 5 orang dan kesemuanya adalah kanak-kanak perempuan. Dari sudut pelaksanaan, seksyen 47(1)(a) mewajibkan pegawai akhlak untuk melawat, menasihati dan bertindak sebagai kawan kepada kanak-kanak tidak terkawal. Pegawai akhlak perlu mengadakan perjumpaan dengan kanak-kanak untuk menerangkan tujuan perintah dan implikasinya, dan membuat jadual perancangan pengawasan berdasarkan masalah kanak-kanak dan keluarga mereka (Temubual dengan Pegawai Akhlak, 2025).

4.4. Cadangan penambahbaikan pengendalian kes kanak-kanak tidak terkawal di Terengganu

Bagi tujuan menambahbaik kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam pengendalian kes kanak-kanak tidak terkawal di Terengganu, Informan-informan kajian telah mengutarakan beberapa cadangan seperti berikut:

- a) Menjadikan mahkamah sebagai jalan penyelesaian terakhir. Permohonan ke mahkamah seharusnya menjadi pilihan terakhir, selepas semua kaedah intervensi lain telah dicuba. Ini adalah kerana kebanyakan masalah kanak-kanak tidak terkawal berpunca daripada kelemahan institusi keluarga dan ia perlu ditangani terlebih dahulu.
- b) Mengadakan sesi perbincangan tidak formal sebelum prosiding mahkamah. Satu sesi perbincangan dicadangkan supaya diadakan di antara Majistret, kanak-kanak, ibu bapa, dan Pegawai Akhlak sebelum sesuatu perintah dikeluarkan. Langkah ini dapat memberi peluang kepada Majistret untuk lebih memahami latar belakang kanak-kanak secara langsung tanpa hanya bergantung kepada Laporan Akhlak.
- c) Meningkatkan tenaga kerja mahir dalam JKM. Kekurangan pegawai mahir dalam JKM menyukarkan pelaksanaan program pemulihan yang lebih efektif. Informan mencadangkan supaya lebih banyak pegawai yang terlatih dalam bidang psikologi dan kaunseling dilantik untuk menangani kes ini. Kerajaan perlu menambah bilangan Pegawai Akhlak yang mempunyai kepakaran dalam psikologi kanak-kanak dan kaunseling. Pegawai Akhlak sedia ada juga perlu diberikan latihan lanjutan dalam teknik pemulihan yang lebih berkesan.
- d) Memperkenalkan program pendidikan awal. Program pencegahan di sekolah harus diperkenalkan bagi membentuk kesedaran kepada kanak-kanak tentang kesan negatif tingkah laku tidak terkawal.
- e) Penglibatan keluarga dan komuniti dalam proses pemulihan. Penglibatan keluarga sangat penting kerana kebanyakan kes berpunca daripada masalah dalam institusi kekeluargaan. Informan mencadangkan supaya sesi kaunseling keluarga diwajibkan sebelum sesuatu kes dibawa ke Mahkamah. Selain itu, kaedah pemulihan yang lebih menumpukan kepada komuniti perlu diterapkan, seperti program mentor atau keluarga angkat bagi memberi sokongan moral kepada kanak-kanak.
- f) Meningkatkan kerjasama dengan agensi luar. Pihak sekolah, badan sukarelawan, badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta harus lebih terlibat dalam program pemulihan untuk menyediakan lebih banyak sumber sokongan.
- g) Menyediakan platform perbincangan antara Majistret dan JKM. Sesi pertemuan tidak formal antara Majistret dan JKM dicadangkan untuk diadakan sebelum keputusan atau perintah dibuat bagi membolehkan Majistret memahami kes secara lebih mendalam tanpa hanya bergantung kepada Laporan Akhlak.
- h) Meningkatkan penglibatan sekolah dan komuniti. Sekolah perlu lebih aktif dalam menangani masalah kanak-kanak tidak terkawal dengan bekerjasama dengan JKM. Komuniti juga boleh dilibatkan melalui program mentor atau keluarga angkat sebagai sokongan kepada kanak-kanak yang bermasalah.
- i) Memperkenalkan Sistem Pemantauan Jangka Panjang berasaskan teknologi. JKM perlu mewujudkan sistem pemantauan selepas pemulihan bagi memastikan kanak-kanak tidak kembali kepada tingkah laku tidak terkawal. Penggunaan teknologi seperti aplikasi mudah alih boleh digunakan untuk menjejaki perkembangan kanak-kanak selepas mereka dibebaskan.

5. Kesimpulan

Tingkah laku tidak terkawal yang berlaku di Terengganu didapati tidak berbeza daripada yang berlaku di seluruh negara. Walaupun sebahagian besar tingkah laku tidak terkawal tidak bersifat jenayah, ia boleh membawa kepada perbuatan jenayah jika gagal ditangani. Contohnya, tindakan ponteng sekolah boleh mengakibatkan pelajar merokok, mengambil dadah, bergaul bebas, terlibat dengan masalah seksual dan mencuri bagi mengisi masa yang sepatutnya digunakan untuk pembelajaran di sekolah. Menangani tingkah laku tidak terkawal memerlukan pendekatan yang komprehensif yang merangkumi sokongan keluarga, pengawasan yang betul, pengaruh rakan sebaya yang positif, dan program sosial yang bertujuan untuk membimbing kanak-kanak ke arah tingkah laku yang lebih positif, mengurangkan risiko jenayah dan mempromosikan integrasi sosial yang lebih sihat. Selain itu, penyelidik mendapati pengendalian kes oleh JKM dan Mahkamah diselaraskan di seluruh negara termasuk negeri Terengganu yang dilaksanakan berpandukan kepada peruntukan undang-undang dalam Akta Kanak-kanak 2001, amalan Majistret dan garis panduan JKM. Begitu juga dengan jenis perintah mahkamah di mana mahkamah di Terengganu turut mengamalkan penahanan kanak-kanak di asrama akhlak dan belum mengeluarkan perintah penjagaan oleh orang yang layak dan sesuai, dan perintah penempatan di Pusat.

Sebahagian besar kelemahan dan cadangan yang diutarakan oleh Informan kajian di atas bertepatan dengan standard antarabangsa yang menjaga kebajikan kanak-kanak. Menurut [UNICEF \(2020\)](#), walaupun Malaysia telah meminda seksyen 46 dan 47 Akta Kanak-kanak 2001 supaya kanak-kanak tidak terkawal ditempatkan di institusi sementara (iaitu asrama akhlak) dan bukan lagi di Sekolah Tunas Bakti, undang-undang tersebut masih tidak mematuhi standard antarabangsa kerana ia membenarkan kanak-kanak tidak terkawal dihukum atas kesalahan bukan jenayah dan membenarkan mereka ditahan di institusi kebajikan. Akta tersebut juga tidak mengandungi seksyen yang berasingan mengenai lencongan (*diversion*) bagi mengurangkan perintah penahanan di institusi. [UNICEF \(2020\)](#) menegaskan bahawa penafian hak kebebasan (*deprivation of liberty*) melalui penahanan di institusi perlu dijadikan sebagai langkah terakhir dan mesti dilaksanakan dalam tempoh yang paling singkat. Penahanan kanak-kanak ini membuktikan negara masih mempunyai kelemahan dalam aspek pemulihan alternatif seperti program keibubapaan, program tingkah laku psyo-sosial, dan program lencongan. Ia mencadangkan supaya Malaysia menambahbaik kerangka perundangan bagi memperuntukkan undang-undang mengenai pemulihan-pemulihan alternatif bagi menggantikan penempatan di institusi kebajikan dan menghadkan penggunaan institusi untuk kanak-kanak tidak terkawal.

Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Consent to Participate*)

Para penyelidik telah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada kesemua Informan kajian untuk menyertai kajian ini.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia di atas kerjasama yang telah diberikan dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini ditaja oleh Universiti Sultan Zainal Abidin melalui Geran Projek Dana Penyelidikan Universiti (DPU) DPU 1.0 / 2022 (UniSZA/2022/DPU1.0/46, No. Projek R0397).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penyelidik melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abdul Rahim, A. (2012). *Jenayah kanak-kanak dan undang-undang Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, N.C. (2006). *Family law for non-Muslims in Malaysia*. International Law Book Services.
- Ahmad, N. (2013). *The unheard voices of child offenders: Time for reform for the youth justice system in Malaysia?* The 6th world congress on family law and children's right, Sydney, Australia on 17-20 March 2013. <http://studylib.net/doc/8032532/time-for-reform-for-the-youth-justice-system-in-malaysia>
- Akram, M. (2007). A Study of some recent developments in the rising rate of delinquent behaviour in Malaysia. *Malayan Law Journal*, 7, xxxvii.
- Bakar, B. (2022, August 5). Lima remaja merokok dalam kedai makan dikenakan kompaun. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2022/08/984826/lima-remaja-merokok-dalam-kedai-makan-dikenakan-kompaun>
- Bernama. (2016, July 25). Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 diwartakan. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2016/07/176834/akta-kanak-kanak-pindaan-2016-diwartakan>
- Child Frontiers. (2013). *The Malaysian juvenile justice system: A study of mechanisms for handling children in conflict with the law*. United Nations Children's Fund (UNICEF). <https://www.unicef.org/malaysia/>.
- Child Rights Coalition Malaysia. (December 2012). *Laporan mengenai status hak kanak-kanak di Malaysia*. Malaysian Child Resource Institute. <http://www.mcri.org.my/wp-content/uploads/CRC-Report-Bahasa.pdf>
- Coalition for Juvenile Justice. (2013). *National standards for the care of youth charged with status offenses*. [http://www.juvjustice.org/sites/default/files/ckfinder/files/National%20Standards%20for%20the%20Care%20of%20Youth%20Charged%20with%20Status%20Offenses%20FINAL\(1\).pdf](http://www.juvjustice.org/sites/default/files/ckfinder/files/National%20Standards%20for%20the%20Care%20of%20Youth%20Charged%20with%20Status%20Offenses%20FINAL(1).pdf)
- Creswell, J.W. (2007). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches (2nd ed.)*. Sage Publications Inc.
- Creswell, J.W. (2012). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research (4th ed.)* Pearson Education Inc.
- Dusuki, F. N. (2007). Perkembangan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di Malaysia. In Shuaib, F.S. et.al, *Pentadbiran keadilan: Artikel terpilih* (pp 125–155). Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Haji Ali, A. (2006). Salah laku sosial remaja masa kini: Cabaran dan penyelesaiannya. In Abd Rashid, A.R, Hussin, S. & Tubah, J. (Eds), *Institusi Keluarga: Menghadapi Cabaran Alaf Baru* (pp 89-115). Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Hamzah, H., Mustafa, J. & Che Din, M.F. (2011). *Masalah sosial remaja masa kini*. Institut Sosial Malaysia.
- Harun, S.F. (2019, August 5). Remaja disangka hilang. *Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA)*. <https://www.ismakualaterengganu.com/2019/08/remaja-disangka-hilang.html>
- Hassan, M. (2008). Kanak-kanak dan jenayah: Pendekatan Akta Kanak-Kanak 2001. In Hj Ismail, K., Lukman Z.M. dan Hamsan, H.H. (Eds.), *Pembangunan kanak-kanak: Teori, isu dan cabaran* (pp 323 -340. Arah Pendidikan Sdn. Bhd.
- Hussin, N. (2012). Juvenile delinquency in Malaysia: Legal framework and prospects for reforms. *International Islamic University Malaysia Law Journal*, 15(2), 197-214. <http://journals.iium.edu.my/iiumlj/index.php/iiumlj/article/view/68>
- Ilham, R. (2022, July 4). Dua kanak-kanak lari dari rumah ditemukan selamat. *MyMetro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/07/858321/dua-kanak-kanak-lari-dari-rumah-ditemukan-selamat>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2025). Institusi Kebajikan Asrama Akhlak. <https://www.jkm.gov.my/main/article/institusi-kebajikan-asrama-akhlak>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2025). *Laporan statistik tahunan*. Jabatan Kebajikan Masyarakat. <https://www.jkm.gov.my/main/documents/laporan-statistik-tahunan>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025). *Statistik kanak-kanak Malaysia 2024*. Jabatan Perangkaan Malaysia. <https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/children-statistics-malaysia-20244> .
- Jamaluddin, S. Z. (2002). Akta Kanak-Kanak 2001: Implikasinya terhadap ibu bapa, agensi kerajaan, badan kehakiman dan media. In Jamaluddin, S. Z., Talib, N. & Mohd Yusoff, J.Z. (Eds.), *Siri Undang-Undang Mimi Kamariah: Akta Kanak-Kanak 2001* (pp 41–68). Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Awal, N.A. (2002). Child Act 2001: How far does it conform to UNCRC?. In Jamaluddin, S.Z., Talib, N. & Mohd Yusoff, J.Z. (Eds.), *Siri Undang-Undang Mimi Kamariah: Akta Kanak-Kanak 2001* (pp 207 -234). Penerbit Universiti Malaya.
- Moktar, N.I. (2024, August 15). 1,061 kes jual vape kepada remaja bawah umur di Terengganu. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/680363/edisi/terengganu/1061-kes-jual-vape-kepada-remaja-bawah-umur-di-terengganu>.
- Najmuddin, H. (2003). *Memahami dan membimbing remaja nakal*. PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Nalasley, P.R. & Abu Bakar Ah, S.H. (2003). *Hak kanak-kanak dalam jagaan institusi awam*. Penerbit Universiti Malaya.
- Nayagam, J. (2012). Strengths and weakness of the protection mechanism and support system for reintegration of children in conflict with the law. *The Malaysian Journal on Human Rights*, 6, 60-79. <http://www.suhakam.org.my/wp-content/uploads/2013/11/Binder1.pdf>
- Ngah, M.I.A. (2024, August 15). Ramai perokok di Terengganu ingkar larangan merokok dan menghisap vape di tempat awam. *BuletinTV3*. <https://www.buletintv3.my/nasional/ramai-perokok-di-terengganu-ingkar-larangan-merokok-dan-menghisap-vape-di-tempat-awam/> .
- Ramlan, Y. (2016, January 18). Undang-undang bakal benarkan sesiapa saja lapor ibu bapa cuai. *The Malaysian Insider*. <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/undang-undang-bakal-benarkan-sesiapa-saja-lapor-ibu-bapa-cuai> .

- Sharif, Z. & Mohamad Roslan, N. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka, *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1, 115-140. <http://eprints.utm.my/12174/1/JEPC-2011-1-007.pdf>
- Sidhu, B. S. (2003). An overview of the Child Act 2001 and the criminal procedure aspects. *Malayan Law Journal*, 2, xlix.
- United Nations Children's Fund (UNICEF) Malaysia. (2020). *Situation analysis of women and children in Malaysia 2020*. <https://www.unicef.org/malaysia/reports/situation-analysis-women-children-malaysia-2020>.
- Yahaya, A. & Hashim, S. (2008). Pelakuan agresif remaja. In Yahaya, A. Boon, Y & Hasim, S. (Eds), *Personaliti Gaya Hidup Remaja* (pp 81-116). Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Yeng, C. W. & Baharudin, R. (2014). Kefungsian keluarga dan tingkah laku keibubapaan. In Baharudin, R. & Abu Talib, M. (Eds.), *Kefungsian Keluarga* (pp 54-63). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainal Rashid, M. (2009). Juvenile justice in Malaysia: Role of the Department of Social Welfare. In *Human rights and the administration of justice: SUHAKAM's Conference in conjunction with Malaysian Human Rights Day 2008*, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). <http://www.iccwtnispncanarc.org/upload/pdf/7965505086Human%20Rights%20and%20the%20Administration%20of%20Juvenile%20Justice.pdf>.
- Zainury, M.A. (2019, June 18). Port ponteng sekolah kena serbu. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/33147/EDISI/Terengganu/Port-ponteng-sekolah-kena-serbu>
- Zakaria, A.H. (1996). Institutional care of minors: A discussion of some preliminary issues. In Majid, M.K. (Ed.), *A collection of socio-legal essays* (89-117). Universiti Malaya Press.
- Zulkifli, A.R. (2019, April 23). Ramainya 54 orang ponteng sekolah... *My Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/04/448043/ramainya-54-orang-ponteng-sekolah>